

Mahathir: 'Saya akan betulkan yang tak betul'

ALOR SETAR, Sabtu.—Dr. Mahathir Mohamed hari ini menegaskan, beliau tidak akan melayan sesuatu permintaan yang beliau fikir tidak adil, sekalipun permintaan itu datang dari kawan baik.

Kata Dr. Mahathir, di masa lalu beliau sentiasa menegur kalangan yang melakukan perbuatan yang tidak adil.

Dr. Mahathir yang juga seorang Naib Presiden Umno berkata demikian ketika berucap merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu di Sekolah Menengah Pulau Nyior, 16 batu dari sini.

Kata Dr. Mahathir: "Sekiranya kita melakukan perkara yang tidak adil maka saya yakin apa-apa kuasa yang ada pada kita tidak akan kekal.

"Saya akan terus berusaha



DR. MAHATHIR

ha memperbetulkan apa-apa yang tidak betul mengikut lunas-lunas keadilan," kata beliau.

Dr. Mahathir mengingatkan ahli-ahli Umno hen-

daklah menyingkirkan perasaan tidak puas hati dan syak wasangka terhadap pemimpin-pemimpin Umno untuk mengujudkan suasana yang baik bagi perpaduan yang kuat demi mencapai kejayaan taraf hidup orang-orang Melayu.

Jelasnya, orang-orang Melayu perlulah bersatu padu dan berusaha lebih gigih lagi bagi mencapai satu taraf kemajuan yang lebih tinggi dalam semua bidang sehingga mereka dapat berdiri sebagai individu yang boleh bertanding dengan siapa saja dalam apa bidang sekali pun.

"Kita perlu memperkuatkan perjuangan Umno sekarang kerana matlamat perjuangannya masih belum tamat sehingga orang-orang Melayu mencapai taraf pembangunan yang tinggi di negara ini," ujar-

hendaklah ber-
1. ur1 mengekalkan ber-
angan Umno untuk
memperkuatkan politik
dengan perpaduan se-
bagai sumber kekuatan.

"Kita masih memerlukan perpaduan yang kuat serta menyingkirkan perasaan iri hati, dengki mendengki sesama lain dan bersikap sederhana sanggup menerima ikiran-ikiran orang lain.

Dr. Mahathir berkata, walaupun kita telah mencapai kemajuan yang lebih baik dalam bidang-bidang pelajaran, perniagaan dan sebagainya tetapi kemajuan yang dicapai itu masih belum cukup tinggi lagi.

Sementara itu, Dr. Mahathir mengumumkan beliau tidak akan bertanding bagi jawatan Ketua Bahagian Umno Kubang Pasu di dalam persidangan perwakilan hari ini kerana beliau fikir ketua Umno bahagian itu masih lagi layak serta mendapat sokongan dari ahli-ahlinya.

Dr. Mahathir kemudiannya menyampaikan piata-piala pusingan kepada johan cawangan Umno yang mempunyai banyak ahli iaitu cawangan Pekan Kodiang dan Naib Johan cawangan Taniung Paoh.